

# PM kata Musa mahu berkuasa di Johor

BM 30 OCT 1988

PETALING JAYA, Sabtu — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini berkata, beliau mendapat tahu Datuk Musa Hitam dijangka bertanding di salah sebuah kawasan Dewan Undangan Negeri di Johor dalam usahanya untuk merampas kuasa kerajaan negeri.

Menurut Presiden Umno itu, mengikut apa yang didengarnya, bekas Timbalan Perdana Menteri itu dikatakan akan meminta Ahli

Dewan Undangan Negeri (Adun) Bandar Tenggara, Haji Adam Hamid, supaya meletakkan jawatan.

Ini adalah untuk membolehkannya bertanding di kawasan itu, katanya ketika berucap dalam majlis jamuan makan malam bagi pemimpin dan perwakilan Umno Johor anjuran Badan Perhubungan Umno negeri di sini.

Menteri Besar, Tan Sri Haji Muhyiddin Haji Mohd Yassin, dan ahli Badan Perhubungan Umno turut hadir di majlis itu.

"Selepas itu, beliau akan memujuk Adun yang lain di negeri itu untuk bersamanya menumbangkan kerajaan negeri," katanya.

Perdana Menteri berkata, di Kelantan pula, bekas Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Tengku Razaleigh Hamzah, dikatakan akan juga meminta tiga Adun di negeri itu meletakkan jawatan.

Menurutnya, apabila pihak Tengku Razaleigh menang, beliau akan mengadakan perjanjian dengan Pas. Katanya, Pas akan menyertai kumpulan Tengku Razaleigh dan ini bermakna sudah ada 13 Adun bersamanya.

"Selepas itu, beliau memujuk tujuh lagi Adun di negeri berkenaan untuk membolehkannya mendapat 20 daripada 36 kerusi di Dewan Undangan Negeri untuk menggulingkan kerajaan negeri," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir yakin Adun di Johor tidak akan membenarkan keadaan itu berlaku.

"Jika usaha mereka ini berjaya, ini akan memecahbelahkan lagi orang Melayu," katanya.

Beliau berkata, jika ini berlaku, orang Melayu tidak akan boleh berunding dengan nada yang kuat, sebaliknya mereka akan menjadi seperti peminta sedekah.

Katanya, orang Melayu akan lemah dan pemerintahan tidak menjadi kuat.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, apakah orang Melayu rela dipecahkan dan dilemahkan oleh satu dan dua orang semata-mata kerana mereka tidak mendapat tempat.

"Apa yang telah jadi kepada parti. Jawapannya ialah rebutan kuasa. Kita discreet dalam pergeseran orang-orang tertentu," katanya.

Beliau berkata, apakah akan terjadi kepada orang Melayu kerana menjadi mangsa orang-orang yang memainkan sentimen negerian dan perasaan hina sebagai alat untuk memecahbelahkan orang Melayu.